



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (140)

Tarikh : 26 Mei 2016

Siaran Media

PROGRAM

KESEDARAN KESELAMATAN AKTIVITI AIR UNTUK PELAJAR SEKOLAH

1. Kerajaan telah meluluskan penubuhan Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) kerana peningkatan bilangan kes-kes kematian akibat lemas dan kemalangan di badan-badan/takungan air.
2. Pelan Tindakan Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) 2016-2020 sedang dirangka dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan secara berperingkat dimana salah satunya teras tindakan adalah untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan rakyat mengamalkan budaya selamat ketika menjalankan aktiviti air, samada di rumah, tempat kerja, pengangkutan air, pusat rekreasi dan dimana-mana badan/takungan air;
3. Statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan purata kes kematian akibat lemas setahun bagi tahun 2009 hingga 2013 ialah sebanyak 596 kes setahun. Ini menunjukkan purata dalam setahun nisbah kematian akibat lemas adalah 1.6 kematian setiap hari.
4. Daripada jumlah kematian akibat lemas pada tahun 2009 – 2013 tersebut, didapati golongan kanak-kanak yang berumur 5 – 14 tahun dan remaja yang berumur 15 – 24 tahun merupakan golongan yang paling ramai terlibat iaitu hampir 50% daripada jumlah kematian sepanjang tahun tersebut. Oleh itu,

program-program Kesedaran Keselamatan Aktiviti Air ini akan memberi fokus kepada golongan kanak-kanak dan remaja ini.

5. Statistik kehadiran JBPM bagi insiden di air untuk tahun 2013 – 2015, ialah sebanyak 1,114 kes (Kejadian dihadiri). Daripada jumlah itu lokasi insiden lemas tertinggi dihadiri oleh JBPM ialah di sungai/tali air iaitu sebanyak 58% diikuti pantai (25%) dan ditasik/lombong sebanyak 11% kehadiran.
6. Sehubungan itu, Program Kesedaran Keselamatan Aktiviti Air yang JULUNG kali diadakan oleh pihak BOMBA ini adalah bertujuan untuk mengurangkan insiden atau kemalangan yang berlaku di badan-badan/takungan air akibat kecuaiian, sikap tidak ambil peduli dan ketidak patuhan kepada peraturan sedia ada seperti papan tanda dan larangan dengan memberikan pesanan dan peringatan kepada golongan pelajar khususnya mengenai *tips* keselamatan yang perlu diketahui dan diamalkan ketika melakukan aktiviti di air. (Tips keselamatan seperti di risalah yang diedarkan).

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my